

Fenomena air pasang besar jejas aktiviti nelayan

BH 23/8/24 pg 21

Kuala Lumpur: Fenomena air pasang perbani atau air pasang besar yang dijangka berlaku sehingga esok menjejaskan aktiviti nelayan, sekali gus menyebabkan bekalan ikan segar berkurangan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD), Azmi Bahri, berkata fenomena itu menyebabkan hasil tangkapan ikan tidak memuaskan berikutan ramai nelayan tidak dapat turun ke laut sejak seminggu lalu.

"Fenomena cuaca dan air pasang besar menyebabkan ramai nelayan tidak dapat turun ke laut. Kalau ada pun, hasilnya tak memuaskan.

"Ini menyebabkan bekalan

Air pasang besar hingga Sabtu



Keratan akhbar BH, semalam.

ikan segar berkurangan dan stok ikan sejuk beku menggunakan teknologi *individual quick freezing* pula banyak.

"Antara jenis ikan yang terjejas akibat fenomena ini termasuk ikan pelaling dan pelagik," katanya kepada BH.



Siput kabung membanjiri Pantai Chenang, Langkawi susulan fenomena air pasang besar dan ombak kuat sejak tiga hari lalu. (Foto Hamzah Osman/BH)

Azmi berkata, kebiasaannya jika berlaku fenomena seperti itu, rata-rata nelayan akan membuat kerja pembaikan bot dan pukat.

"Selain itu, ada juga yang memantau bot di pelantar kerana

takut air pasang besar akan menolak bot ke darat," katanya.

Seramai 7,534 ahli berdaftar dengan NEKAD, termasuk individu yang terbabit dengan industri perikanan.

Terdahulu Pusat Hidrografi

Nasional berkata, seiring maklumat terkandung dalam Jadual Pasang Surut Malaysia 2024, air pasang besar itu boleh menyebabkan limpahan air ke kawasan daratan dan kemungkinan berlaku banjir.